



**MAJLIS DAERAH JELEBU
KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam kod bidang berikut:-

No. Sebutharga/ Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	Tarikh, Masa & Lokasi Lawatan Tapak	Tarikh, Masa & Lokasi Pembelian Borang Sebutharga	Tarikh Tutup Sebutharga
No Sebutharga: Sebutharga Bil 2/2021 No.Fail: MDJ.1(S)/KK/2/2-2/2021 MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG,MENGUJILARI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) SISTEM PAPARAN LED BILLBOARD UNTUK MAJLIS DAERAH JELEBU	140503 atau 020301 dan 020302	<u>Tarikh:</u> 30hb Mac 2021 (Selasa) <u>Masa:</u> 10:00 pagi hingga 11 pagi <u>Lokasi:</u> Stadium Majlis Daerah Jelebu, Kuala Klawang.	Syarikat yang berminat boleh membeli Borang Sebutharga berharga RM50.00 di Kaunter Hasil Bahagian Perbendaharaan, Majlis Daerah Jelebu <u>Tarikh :</u> 30hb Mac 2021 hingga 7hb April 2021 <u>Masa :</u> 8.30 pagi hingga 4.00 petang	<u>Tarikh :</u> 14 April 2021 (Rabu) Masa 12.00 Tengahari

2. **SYARAT :-**

- 2.1 Syarikat **TIDAK DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak projek sepertimana tarikh yang ditetapkan tetapi digalakkan untuk menghadiri lawatan tapak sebagaimana jadual tertera.
- 2.2 Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Jelebu layak membeli dokumen sebutharga. Pendaftaran boleh dibuat di Kaunter Hasil, Bahagian Perbendaharaan, Majlis Daerah Jelebu.

- 2.3 Sila bawa Sijil ASAL Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) semasa membeli borang.
- 2.4 Wakil syarikat hendaklah membawa surat wakil yang sah beserta Sijil ASAL semua dokumen seperti yang disyaratkan diatas
- 2.5 Membawa Cap Rasmi Syarikat bagi memudahkan mengisi borang.
3. Dokumen Sebutharga ini boleh diperolehi di **Kaunter Hasil Bahagian Perbendaharaan, Majlis Daerah Jelebu**. Penyebutharga yang berminat dikehendaki menyediakan **Wang Tunai / Wang Pos / Cek berjumlah RM 50.00 senaskah** atas nama **Yang Dipertua Majlis Daerah Jelebu** sebagai bayaran Dokumen Sebutharga. Bayaran Dokumen Sebutharga tidak akan dikembalikan.
4. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis **No. Sebutharga dibahagian sebelah kiri** dan dihantar ke dalam **PETI SEBUTHARGA** di **Bahagian Kejuruteraan & Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu, Tingkat 2, Wisma MDJ, Jalan Simpang Pertang, 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan Darul Khusus** tidak lewat jam **12.00 tengahari** pada **14 April 2021**
5. Pihak Majlis Daerah Jelebu (MDJ) tidak akan terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau sebarang tawaran lain dan juga tidak memberi sebarang alasan kepada sebutharga yang tidak berjaya.
6. Penyebutharga yang memerlukan maklumat lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Kejuruteraan Dan Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu di talian : 06 6136479 / 06 6136991 dan Fax : 06-6137515



.....
Yang DiPertua
Majlis Daerah Jelebu

Tarikh : 22 Mac 2021